

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : Tuan Ignatius  
Dorell Leiking  
[ Penampang ]

**SOALAN:**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking**

**[ Penampang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Projek Pelan Tebatan Banjir Sungai Moyog' (*Moyog River Flood Mitigation Plan*) yang mana kajian mengenainya telahpun selesai dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran akan dimulakan serta penerangan mengenai dana untuk projek ini berdasarkan fasa-fasa yang berkaitan (jika ada).

**JAWAPAN:**

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon untuk melaksanakan projek pembinaan RTB Lembangan Sungai Moyog dalam *Rolling Plan* ke-4 (2014-2015) tetapi tidak diluluskan.

Walaupun demikian, Kementerian telah membuat rayuan dan memohon untuk melaksanakan terlebih dahulu sebahagian daripada komponen projek di dalam Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Moyog, Skim 1 (Kibabaig) melibatkan kerja-kerja lencongan Kibabaig dan pembinaan pintu kawalan banjir (*Flap gate*) termasuk pengambilan tanah dengan anggaran kos sebanyak 11.2 juta. Sekiranya diluluskan, projek tersebut akan dilaksanakan mulai tahun 2015.

Sekian, terima kasih.